



TABUNG HAJI
حي على الفلاح



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAKAL HAJI

EDISI 9



Dilarang mengeluarkan ulang cetak mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Tabung Haji (**TH**) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Cetakan ke Lima Belas
Edisi 9
Tahun 1445H/2024M

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Senarai Ahli Jawatankuasa Pemurnian Buku Garis Panduan	4 – 9
Pendahuluan	10
1. Objektif	10
2. Panduan Am	11 – 15
3. Panduan Pemeriksaan Kesihatan	16 – 18
4. Kategori Kes / Kriteria Penyakit Yang Tidak Boleh Diluluskan Untuk Menunaikan Ibadah Haji	19 – 28
Lampiran 1 : Keputusan <i>Muzakarah</i> Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali ke – 84	29
: Resolusi <i>Muzakarah</i> Haji Peringkat Kebangsaan Ke 36, Musim Haji 1441H/2020M	29 – 30
Lampiran 2A : <i>Modified Functional Classification</i>	31
Lampiran 2B : <i>Timed Up & Go</i> (TUG)	32
Lampiran 2C : <i>30-Second Sit To Stand Test</i> (30 STS)	33 – 34
Lampiran 2D : Carta Alir Ujian Pemeriksaan Fizikal	35
Lampiran 3A : Saringan Status Kesihatan Mental-20 (SSKM-20)	36
Lampiran 3B : Panduan Penggunaan Saringan Status Kesihatan Mental	37
Lampiran 4 : <i>Elderly Cognitive Assessment Questionnaire</i> –ECAQ	38
Lampiran 5 : Borang Ringkasan Laporan Buku Rekod Rawatan (BRRJH)	39
Lampiran 6 : Hukum Penggunaan Vaksin <i>Meningococcal</i>	40 – 41
Lampiran 7 : Jawatankuasa Penilaian Pemeriksaan Kesihatan	42
Lampiran 8 : Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan	43
Lampiran 9 : Borang Saringan Awal Pemeriksaan Kesihatan	44
Lampiran 10 : <i>Grading of COPD</i>	45
Lampiran 11 : <i>Definition For Uncontrolled Asthma</i>	46
Lampiran 12 : Pengkelasan Fungsi Penyakit Kanser (ECOG)	47
Lampiran 13 : <i>Child-Pugh Classification</i>	48
Lampiran 14 : <i>Staging of Hypertension</i>	49
Lampiran 15 : <i>Wagner-Meggitt Classification of Diabetic Foot</i>	50
Lampiran 16 : <i>Staging of CKD</i>	51
Lampiran 17A : Kriteria Kelulusan Bakal Haji Yang Sedang Dalam Rawatan Terapi Gantian Opiat	52
Lampiran 17B : Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji Yang Sedang Dalam Rawatan Terapi Gantian Opiat	53
Lampiran 18 : Borang <i>Psychotropics Travel Request</i>	54
Pertanyaan	55

AHLI JAWATANKUASA PEMURNIAN GARIS PANDUAN, BUKU REKOD DAN BAHAN TAKLIMAT BAGI PEMERIKSAAN KESIHATAN

PENASIHAT

Dato' Sri Haji Syed Saleh Syed Abdul Rahman
Pengarah Eksekutif Haji
Lembaga Tabung Haji

Haji Mohamed Haikal Bin Mohamed Yusuff
Pengurus Besar (Pengurusan Haji)
Jabatan Haji

Ustaz Haji Shahrin Bin Awaludin
Ketua (Bimbingan)
Jabatan Haji

Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kes. Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Anita Binti Suleiman
Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Dr. Thilaka A/P Chinnayah@Nadarajah
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT IBADAT HAJI (AJPIH) SESI 2022 - 2024

YBhg. Dr. Hajah Anisah Binti Ab. Ghani
Pengerusi

YBhg. SS Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir
Ahli

Dr. Hajah Shamsiah Binti Mohamad
Ahli

Ustaz Haji Burhanuddin Bin Lukman
Ahli

**YBhg. SS Dato' Paduka Sheikh Haji Fadzil Bin
Haji Awang**
Ahli

YBhg. SS Ustaz Haji Tajul Urus Bin Abdul Halim
Ahli

Dr. Hajah Raihanah Binti Haji Azahari
Ahli

EDITOR

Dr. Muhammad Izzad Bin Izhar
Ketua Penolong Pengarah (Survelan)
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

AHLI (LEMBAGA TABUNG HAJI)

Dr. Muhammad Shafiq Bin Samsudin
Pengurus Kanan (Kesihatan)
Jabatan Haji

Haji Anuar Bin Ahmad
Ketua Bahagian Agensi Haji
Jabatan Haji

Ustaz Haji Muhammad Fakhrur Ridzwan Bin Othman
Pengurus Bahagian Bimbingan Haji
Jabatan Haji

Haji Abdul Halim Bin Ayub
Pengurus (Penyelidikan & Pembangunan)
Jabatan Haji

Haji Nawal Bin Mohd Ali
Bahagian Agensi Haji
Jabatan Haji

Haji Ashraf Bin Abdul Rahiman
Penolong Pengurus Farmasi
Jabatan Haji

Haji Che Mohd Izzarudin Hashimi Bin Che Ibrahim
Eksekutif Kesihatan
Jabatan Haji

Haji Muhammad Azlan Bin Abdullah
Bahagian Pengurusan Haji
Jabatan Haji

AHLI (IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)

Dr. Salmiah Binti Baharudin
Ketua Sektor Peraturan Kesihatan Antarabangsa &
Kesihatan Pengembaraan, KKM

Dr Maheshwara Rao A/L Appannan
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Awam Digital (Interim), KKM

Haji Khairulaizat Bin Mahdin
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Kanan Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Dr. Iesza Raihan Binti Ali
Pegawai Perubatan
Bahagian Kesihatan Awam Digital (Interim), KKM

En Muhamad Aminnudin Bin Ismail
Pembantu Tadbir
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Dr. Sarah Idayu Binti Mohd Abd Latiff
Pegawai Perubatan
Bahagian Kesihatan Awam Digital (Interim), KKM

AHLI (KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) EDISI 9 2024

Datuk Dr. Hajah Zanariah Binti Hussein

Pakar Perunding Endokrinologi
Hospital Putrajaya

Dr. Haji Anwar Irawan Bin Ruhani

Pakar Perunding Perubatan (Kardiologi)
Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang

**Dr. Hajah Nabilah Binti Salman Parasi@
Sulaiman**

Pakar Perunding Perubatan (Respiratori)
Institut Perubatan Respiratori (IPR)

Dr Sapiah Binti Sapuan

Pakar Perunding Neurologi
Hospital Sungai Buloh, Selangor

Dr. Haji Azizul Bin Awaluddin

Pakar Perunding Psikiatri (Ketua Jabatan)
Hospital Putrajaya

Dr Haji Muhammad Firdaus Bin Abdul Aziz

Pakar Psikiatri
Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu

Dr Hajah Nor Salhana Binti Mohammed Wazir

Pakar Psikiatri
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh

Dr Hajah Suhana binti Kayat

Pakar Psikiatri
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban

Dr Hajah Zuria Idura Binti Abd Mokhtar

Pakar Psikiatri
Hospital Sentosa Kuching, Sarawak

Dr Suhaila Binti Mohamad Zahir

Pakar Psikiatri
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban

Dr. Haji Muhamad Hafiz Bin Harun

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Peringgit

Dr. Hajah Azah Binti Abdul Samad

Pakar Perunding Perubatan Keluarga
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Dr. Haji Shaffari Bin Marzuki

Pakar Perunding Perubatan Keluarga
Pejabat Kesihatan Daerah Manjung, Perak

Dr. Hajah Noraini Binti Jali

Pakar Perunding Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Sungai Besar

Dr. Haji Alif Adlan Bin Mohd Thabit

Pakar Perunding Perubatan (Penyakit Berjangkit)
Hospital Selayang

Dr. Haji Saari Mohamad Yatim

Pakar Perunding Rehabilitasi
Hospital Sultan Idris Shah, Serdang

Dr. Hajah Faridah Binti Jafri

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Dr. Hajah Nur Fatimah Oh Binti Abdullah

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan

Dr. Hajah Rahmah Binti Rashid

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Jabatan Kesihatan WP Labuan

Dr. Haji Abdul Marsudi Bin Manah

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Dr. Haji Abdullah Husam Bin A Shukor

Pegawai Kesihatan Epidemiologi
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Dr. Haji Asraf Ahmad Bin Qamruddin

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Manjung

Dr. Haji Abdul Kahir Bin Misnan

Pakar Otopedik
Hospital Kajang

Dr Haji Khairul Anuar Bin Abdul Manaf

Pakar Perubatan Nefrologi
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Dr Eznal Izwadi Bin Mohd Mahidin

Pakar Perubatan Onkologi
Hospital Kuala Lumpur

Dr. Nurul Farhana Binti Mohd Azman

Ketua Penolong Pengarah (Survelan)
Jabatan Kesihatan WP KL & Putrajaya

Dr. Muhamad Taufiq Bin Othman

Pegawai Perubatan (Survelan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

En. Haniff Bin Mohd Nawi

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan Dan Perkembangan Farmasi
Petaling Jaya

Dr Rizah Mazzuin Binti Razali

Pakar Perubatan Geriatrik
Hospital Kuala Lumpur

Dr Suryati Binti Yakob

Pakar Perubatan Nefrologi
Hospital Selayang, Selangor

Dr. Muhammad Izzad Bin Izhar

Ketua Penolong Pengarah (Survelan)
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Dr. Tan Kean Teong

Pegawai Perubatan (Survelan)
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Haji Shahrom Bin Shahrin

Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Hospital Putrajaya

Pn. Atika Mahfuza Binti Mahbub

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Petaling Jaya

AHLI (KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA) EDISI TERDAHULU (PENGHARGAAN)

Dato' Dr. Haji Rosemi Bin Salleh
Pakar Perunding Perubatan (Gastroenterologi)

Prof. Madya Dr. Mohd Nahar Azmi Mohamed
Ketua Jabatan Perubatan Sukan

Dr. Nurhayati Binti Mohd Marzuki
Pengarah Institut Perubatan Respiratori (IPR)

Dr. Haji Ashari Bin Yunus
Pakar Perunding Perubatan (Respiratori)

Dr. Haji Termizi Bin Hassan
Pakar Perunding Perubatan (Respiratori)

Dr. Hajah Saniah Binti Senik
Pakar Perunding Perubatan Keluarga

Dr. Haji Mohd Sapawi Bin Ahmad
Pakar Perunding Perubatan (Kardiologi)

Dr. Najwa Binti Aziz
Pakar Perubatan Keluarga

Dr. Noriah Binti Ismail
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Azizan Bin Sharif
Pakar Perubatan

Dr. Mohamed Akbar Bin Mohamed Bahari
Pakar Bedah

Dr. Mollyza Binti Mohd Zain
Pakar Perubatan Umum

Dr. Hajah Rihanah Binti Rafie
Pegawai Perubatan

Dr. Nooreen Farzana Binti Mustapha
Ketua Penolong Pengarah
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit

Dr. Norsafinaz Binti Mohamad
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit

En. Mohamad Nazari Bin Md. Dazali
Pegawai Farmasi

Dato' Dr. Abdul Kahar Bin Ghafar
Pakar Perunding Perubatan Kanan (Kardiologi)

Dr. Haji Mohd Faid Bin Abd. Rashid
Timb. Pengarah Kesihatan Negeri (Kes. Awam)

Dr. Ros Suzanna Binti Ahmad Bustamam
Ketua Perkhidmatan Onkologi

Dr. Suraya Hanim Binti Abdullah Hashim
Pakar Perunding Perubatan (Penyakit Berjangkit)

Dr. Hajah Maryam Binti Amaran
Pakar Perunding Psikiatri

Dr. Hajah Lily Binti Mushahar
Pakar Perunding Perubatan (Nefrologi)

Dr. Shahnaz Binti Shah Firdaus Khan
Pakar Perunding Perubatan (Nefrologi)

Dr. Sadanah Aqashiah Binti Mazlan
Pakar Perubatan Nefrologi

Dr. Haji Ahmad Faudzi Bin Yusoff
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Rozanim Binti Kamarudin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Hairul Izwan Bin Abdul Rahman
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Haji Mohamad Nazarudin Bin Bahari
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Mazni Binti Baharom
Pegawai Perubatan (Survelan)

Dr. Narimah Hanim Binti Ibrahim
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Penyakit Tidak Berjangkit

Pn. Mazuin Binti Mahmud Taridi
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi

Pn. Noorul Fatimah Binti Nordin
Pegawai Pemulih Carakerja

AHLI (LAIN-LAIN)

Dr. Haji Azmi Bin Abdul Rahim

Mantan Ketua Sektor
Peraturan Kesihatan Antarabangsa & Kesihatan
Pengembaraan
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Haji Nurrin Anuwar Bin Shamsuddin

Mantan Pengurus Besar (Pengurusan Haji)
Jabatan Haji

Dr. Haji Kairul Aneeza Bin Zakaria

Mantan Pengurus Kanan (Kesihatan)
Jabatan Haji

Haji Mohd Radzi Bin Hashim

Mantan Pengurus Kanan (Kesihatan)
Jabatan Haji

Haji Mohamad Aiyri Harizat Bin Abdul Rahim

Mantan Eksekutif Kesihatan
Jabatan Haji

Haji Mohamad Fazarudin Bin Zakaria

Mantan Eksekutif Farmasi
Jabatan Haji

- * Bengkel Pemurnian Garis Panduan, Buku Rekod Dan Bahan Taklimat Bagi Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji telah diadakan pada 11-14 September 2023.
- * Draf Buku Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji telah di bentangkan semasa Mesyuarat Teknikal Perkhidmatan Kesihatan Jemaah Haji yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan dihadiri oleh semua Pegawai Epidemiologi / Survelan Jabatan Kesihatan Negeri.
- * Draf Buku Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji juga akan di bentangkan kepada Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (AJPIH).

PENDAHULUAN

Selaras dengan kehendak **Akta 535 Akta Tabung Haji 1995**, pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji (**BH**) merupakan aktiviti penting yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji ke atas setiap BH yang akan menunaikan fardu haji ke Tanah Suci setiap tahun.

Ibadat haji merangkumi ibadat jasmani (*badaniyyah*), sehubungan itu pemeriksaan ini bertujuan untuk mengenalpasti BH yang berisiko mendapat komplikasi kesihatan semasa di Tanah Suci dan mengoptimalkan tahap kesihatan selaras dengan maksud *isitito'ah* yang menjadi salah satu syarat wajib haji sebelum diluluskan supaya mereka dapat melaksanakan ibadat haji dengan sempurna.

Setiap Pegawai / Pakar Perubatan berdaftar (kerajaan dan swasta) perlu memikul amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas pemeriksaan kesihatan ke atas BH dengan sempurna dan sebaik mungkin mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

Sejajar dengan transformasi digital, pihak **TH** dengan usahasama KKM akan mula melaksanakan program transformasi digital secara berperingkat bermula tahun 2023.

1.0 OBJEKTIF PEMERIKSAAN

- 1.1 Memastikan semua BH **berkeupayaan dari segi fizikal dan mental** untuk melaksanakan ibadat haji dengan sempurna.
- 1.2 **Mengesan penyakit yang sedang dihidapi oleh BH** pada peringkat paling awal dan memberi rawatan sewajarnya ataupun untuk dirujuk kepada pakar perubatan berkaitan jika perlu.
- 1.3 **Merekodkan status kesihatan BH dan rawatan yang diterima** untuk rujukan petugas Rombongan Perubatan di Tanah Suci.
- 1.4 Memastikan keputusan **Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke - 84** dan **Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke - 36 Musim Haji 1441H/2019M** dipatuhi. - [Rujuk Lampiran 1]
- 1.5 **Memenuhi kehendak peraturan kesihatan** yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kesihatan Arab Saudi dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa.

2.0 PANDUAN AM

- 2.1 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) melalui Pegawai Epidemiologi / Pegawai Survelan Negeri akan menguruskan penganjuran taklimat Garis Panduan setiap tahun bagi Pegawai / Pakar Perubatan dari sektor kerajaan dan swasta.
- 2.2 Hanya Pegawai / Pakar Perubatan kerajaan dan swasta yang telah menghadiri Taklimat Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji akan diberi Nombor Pendaftaran Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji (NPPKBH) dan **dibenarkan** melakukan pemeriksaan kesihatan Bakal Haji.
- 2.3 **HANYA PEGAWAI / PAKAR PERUBATAN YANG MEMPUNYAI NPPKBH BOLEH MELULUSKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BH.**
- 2.4 Pakar Perubatan yang dirujuk dan tidak mempunyai NPPKBH, masih boleh memeriksa dan mengeluarkan laporan pemeriksaan. Seterusnya, BH perlu kembali kepada mana-mana Pegawai / Pakar Perubatan yang mempunyai NPPKBH untuk prosedur kelulusan.
- 2.5 Pakar Perubatan yang menjadi rujukan, amat digalakkan menghadiri taklimat Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan yang dianjurkan untuk memahami proses kelulusan pemeriksaan kesihatan Bakal Haji.
- 2.6 Nombor Pendaftaran Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji (NPPKBH) hanya sah untuk kegunaan **satu musim sahaja**.
- 2.7 **SEMUA PEMERIKSA** diwajibkan mengambil perhatian pada semua jawapan **YA** pada bahagian Maklumat Kesihatan Untuk Di Isi Oleh Bakal Haji dalam Buku Rekod Rawatan (BRR) untuk tindakan dan pemeriksaan lanjut.
- 2.8 Pemeriksa hanya boleh menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas BH yang **membawa bersama buku BRRJH**.
- 2.9 Kesemua BH perlu dinilai dan diberi Pengkelasan Yang Telah Diubahsuai Untuk Fungsi Penyakit Jantung, Penyakit Respiratori, Penyakit Neurologi, Reumatologi Dan Kanser (*Functional Class*). **[Rujuk Lampiran 2A]**. BH yang diklasifikasikan tahap Kelas III dan Kelas IV, tidak dibenarkan mendapat kelulusan dan dikira sebagai **gagal** saringan kesihatan.

2.10 Bagi BH yang diklasifikasikan sebagai (*Functional Class*) Kelas I & Kelas II, penilaian TUG [Rujuk Lampiran 2B] dan Ujian 30-Saat Duduk dan Berdiri [Rujuk Lampiran 2C] adalah salah satu alat yang digunakan sebagai medium saringan bagi mengukur tahap kebergantungan pengurusan kehidupan harian diri yang akan digunakan sebagai salah satu proses saringan kesihatan BH.

Semua BH berikut **DIWAJIBKAN** menjalani Penilaian ini:

- a) Berumur 60 tahun dan ke atas;
- b) Berumur kurang dari 60 tahun tetapi mempunyai:
 - Strok
 - Penyakit *diabetes neuropathy*
 - Parkinson's disease*
 - Penyakit *cardio-respiratory*
 - Arthritis*
 - Obesiti
- c) Golongan yang didapati mempunyai ketidakupayaan fizikal seperti keilangan dan kecederaan fizikal yang masih belum sembuh

2.11 Penilaian **Ujian Masa Berdiri Dan Berjalan** (*Timed Up & Go (TUG)*) bertujuan untuk menilai kebolehan berjalan dan keseimbangan BH. Warga berumur yang mengambil masa ≥ 12 saat untuk menyelesaikan TUG mempunyai risiko untuk terjatuh. Kelulusan diberikan bagi BH yang dapat melengkapkan ujian **dibawah 12 saat**. Ujian ini boleh dilakukan:

- a) BH memakai kasut biasa mereka dan boleh menggunakan alat bantuan berjalan, jika perlu.
- b) Mulakan dengan pesakit duduk di kerusi berlengan standard dan tandakan garisan 3 meter atau 10 kaki jaraknya dari kerusi di atas lantai.

2.12 Penilaian **Ujian 30 Saat Duduk Dan Berdiri** (*30 Sit To Stand*) bertujuan Untuk menguji kekuatan dan daya tahan anggota kaki BH. Kelulusan diberikan bagi BH yang dapat menyelesaikan ujian **melebihi kadar purata (average) mengikut skala umur dan jantung**. Untuk BH yang berumur kurang dari 60 tahun, rujuk skor purata 60-64 tahun. Ujian ini memerlukan peralatan:

- a) Kerusi dengan tempat duduk rata tanpa lengan (dengan ketinggian tempat duduk 15"-17" (contoh: *banquet chair*))
- b) Pengukur masa (*stopwatch*)

2.13 Semua Bakal Haji perlu menjalani Saringan Status Kesihatan Mental **(SSKM) 20 [Rujuk Lampiran 3A]**

- a) Jika skor adalah **14 dan ke atas**, perlu dinilai semula dengan terperinci oleh Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri ;
- b) Jika Bakal Haji menjawab **SENTIASA** bagi mana-mana soalan, perlu dirujuk untuk penilaian lanjut oleh Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri **WALAUPUN skor kurang dari 14.**

2.14 Semua Bakal Haji berikut **DIWAJIBKAN** menjalani ujian kognitif iaitu *Elderly Cognitive Assessment Questionnaire (ECAQ)* **[Rujuk Lampiran 4] :**

- a) Berumur 60 tahun dan ke atas ;
- b) Berumur kurang dari 60 tahun tetapi berisiko mengalami masalah kognitif seperti strok, kecederaan kepala, infeksi otak, epilepsi, *Parkinson, SLE* ; dan
- c) Jika jumlah skor ECAQ adalah **7 atau kurang**, BH perlu dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga /Pakar Psikiatri/ Pakar Geriatrik/ Pakar Perubatan Neuromedikal.

2.15 Buku Rekod Rawatan Jemaah Haji (BRRJH) perlu diisi oleh Pegawai / Pakar Perubatan dengan **LENGKAP.**

2.16 Pegawai / Pakar Perubatan perlu melengkapkan Borang Ringkasan Laporan BRRJH **[Rujuk Lampiran 5]** setelah selesai pemeriksaan kesihatan BH.

Tandakan juga status *DAIF* untuk membantu pengurusan bakal haji ini di tanah suci oleh TH dalam borang seperti senarai berikut :

- 01. Berkerusi Roda
- 02. Ilat Penglihatan
- 03. Ilat Pendengaran
- 04. Ilat Pertuturan
- 05. Ilat Fizikal (ketidak sempurnaan fizikal)
- 06. Obesiti
- 07. Masalah Pembelajaran
- 08. Demensia (Tahap Ringan)
- 09. Lain-Lain

2.17 Pegawai / Pakar Perubatan swasta yang melakukan pemeriksaan kesihatan perlu mengisi borang ringkasan melalui Sistem Pemeriksaan

Kesihatan Bakal Haji.

- 2.18 Pegawai Perubatan perlu melengkapkan Maklumat Asas Kesihatan BH dalam BRRJH bagi tujuan pengisian maklumat dalam Sistem Haji oleh pegawai **TH**.
- 2.19 Pakar yang dirujuk boleh mencadangkan BH yang dinilai berisiko tinggi untuk mengikuti penerbangan pergi lewat dan pulang awal dari Tanah Suci.
- 2.20 Keputusan Pemeriksaan Kesihatan BH :
- a) Keputusan samada lulus atau tidak, mesti dilakukan dengan **JUJUR** dan **TEGAS** ;
 - b) Beri rawatan selanjutnya atau rujuk kepada pakar berkenaan jika BH masih memerlukan rawatan lanjut ; dan
 - c) Turunkan tandatangan, nama, cop rasmi tempat bertugas dan catatkan nombor pendaftaran Pegawai Perubatan/Pakar serta tarikh di ruang yang disediakan.
- 2.21 Pengesahan Suntikan Vaksin Meningococcal Quadrivalent (ACYW135) **ADALAH DIWAJIBKAN** kepada Bakal Haji yang lulus pemeriksaan kesihatan **SAHAJA** dan diberi selewat-lewatnya 10 hari sebelum tarikh penerbangan ke Tanah Suci. Maklumat vaksinasi boleh dipindahkan kepada Buku Rekod Rawatan jika suntikan telah diambil sebelum ini. Sila isi mukasurat berkaitan dalam Buku Rekod Rawatan Jemaah Haji dengan lengkap.
- 2.22 Suntikan Meningococcal ini adalah sah digunakan untuk tempoh tiga atau lima tahun bergantung pada jenis vaksin. Hukum penggunaan vaksin Meningococcal adalah seperti di **Lampiran 6**.
- 2.23 Suntikan vaksin tambahan *Seasonal Influenza* dan *Pneumococcal* **AMAT DIGALAKKAN** terutama bagi Bakal Haji yang :
- a) Berumur 50 tahun dan ke atas;
 - b) Perokok dan / atau pengguna rokok elektronik (vape);
 - c) Mempunyai penyakit sistem pernafasan seperti asma atau COPD;
 - d) Menghidap penyakit kronik seperti diabetes, penyakit jantung, buah pinggang, neurologi, dan obes.
- 2.24 Pegawai / Pakar Perubatan disarankan merujuk BH yang merokok dan pengguna rokok elektronik / *vape* ke mana-mana fasiliti yang

menawarkan perkhidmatan berhenti merokok berdekatan.

- 2.25 Pegawai / Pakar Perubatan juga perlu menyarankan BH untuk menjalani pemeriksaan pergigian sekurang-kurangnya sekali sebelum ke Tanah Suci.
- 2.26 Dalam keadaan di mana pakar yang dirujuk tidak dapat membuat keputusan samada meluluskan atau tidak pemeriksaan kesihatan Bakal Haji, pakar tersebut perlu menghubungi Pegawai Epidemiologi / Survelan Negeri untuk meminta pandangan sekiranya perlu untuk mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Khas Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji.
- 2.27 Jawatankuasa Penilaian Khas Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji yang terdiri dari sekurang-kurangnya dua (2) orang Pakar berkaitan (sekurang - kurangnya 1 pakar berpengalaman bertugas sebagai petugas haji) akan ditubuhkan bagi meneliti kes tersebut. Keputusan Jawatankuasa ini samada Bakal Haji diluluskan pemeriksaan kesihatan atau tidak ke Tanah Suci adalah **muktamad**. Terma rujukan pembentukan Jawatankuasa ini adalah seperti di **Lampiran 7**.
- 2.28 Sekiranya terdapat BH yang telah lulus tetapi dikenalpasti sakit atau tidak layak diluluskan ke Tanah Suci oleh pengurusan **TH**, Hospital/Klinik atau pengakuan BH sendiri, kes ini perlu dilaporkan kepada Pegawai Epidemiologi / Survelan Negeri juga dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Khas Pemeriksaan Kesihatan Jemaah Haji.

3.0 PANDUAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

3.1 Pemeriksaan yang harus dilakukan ialah:-

- a) Mengambil sejarah penyakit (termasuk maklumat kesihatan bakal haji di dalam Buku Rekod Rawatan Jemaah Haji) dan tarikh haid terakhir.
- b) Pemeriksaan fizikal:-
 - i. Umum
 - (a) Berat badan
 - (b) Tinggi
 - (c) *Body Mass Index (BMI)*
 - ii. Tanda Vital
 - (a) Tekanan Darah
 - (b) Kadar Nadi
 - (c) Kadar Pernafasan
 - (d) Suhu Badan
 - (e) *Pain score*
 - (f) Tahap SpO₂
 - iii. Pemeriksaan mengikut sistem / khusus
 - (a) *Head & Neck*
 - (b) *Ear, Nose & Throat*
 - (c) *Thyroid*
 - (d) *Lymph Nodes*
 - (e) Cardiovascular System
 - (f) *Respiratory System*
 - (g) *Gastrointestinal System*
 - (h) *Genitourinary System*
 - (i) *Nervous System*
 - (j) *Breast Examination*
 - (k) *Foot Examination*
 - (l) Dan lain-lain
 - iv. Ujian Makmal
 - (a) Paras Haemoglobin
 - (b) *Random Blood Sugar*
 - (c) Dan lain-lain ujian jika perlu

- v. Sebagai panduan, ujian ini wajib dilakukan dalam keadaan seperti berikut dan lain-lain keadaan yang ada indikasi klinikal.

Ujian	Keadaan
Chest X-Ray	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Mempunyai simptom seperti batuk berpanjangan (> 2 minggu), susah bernafas, batuk berdarah atau mempunyai simptom-simptom Tibi yang lain seperti LOA, LOW <input type="checkbox"/> SpO2 < 95% <i>under room air</i> <input type="checkbox"/> Golongan Berisiko Tinggi (Dikecualikan jika telah dilakukan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pemeriksaan): <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Diabetes <input type="checkbox"/> Berumur \geq 60 tahun <input type="checkbox"/> HIV <input type="checkbox"/> Penyakit Paru-paru Kronik termasuk COPD <input type="checkbox"/> Pengguna ubat immunosuppress
<i>Full Blood Count (FBC)</i>	<input type="checkbox"/> <i>Anemia</i> (if Hb < 10 g/dL)
<i>Fasting Blood Sugar (FBS)</i>	<input type="checkbox"/> RBS \geq 7.8 mmol (<i>unknown Diabetic</i>)
HbA1c (Jika belum dibuat dalam masa 3 bulan)	<input type="checkbox"/> Diabetes
<i>Renal Profile</i> (Jika belum dibuat dalam masa 3 bulan)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> <i>Hypertension</i> <input type="checkbox"/> <i>Diabetes</i> <input type="checkbox"/> <i>Chronic Kidney Disease (CKD)</i>
<i>Electrocardiogram (ECG)</i> (Sekiranya tidak pernah menjalani ujian dalam tempoh 6 bulan kecuali mempunyai simptom baru) <input type="checkbox"/> Sila kepilkan dalam BRRJH	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Berumur >40 tahun <input type="checkbox"/> <i>Known Ischemic Heart Diseases (IHD)</i> <input type="checkbox"/> Diabetes <input type="checkbox"/> <i>Hypertension</i> <input type="checkbox"/> Gejala sakit dada <input type="checkbox"/> <i>Arrhythmia</i>
UPT	<input type="checkbox"/> LMP \geq 4 minggu

- c) Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan. **[Rujuk Lampiran 8]**
- d) Borang Saringan Awal Pemeriksaan Kesihatan (jika perlu). **[Rujuk Lampiran 9]**

4.0 KATEGORI KES / KRITERIA YANG TIDAK BOLEH DILULUSKAN UNTUK MENUNAIKAN IBADAT HAJI TAHUN SEMASA

**All case with Functional Class 3 & 4 MUST NOT be approved [Refer Lampiran 2A]*

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
Respiratory	Chronic Lung Disease: <ul style="list-style-type: none"> • Lung Fibrosis • Bronchiectasis • Respiratory Failure • Cor Pulmonale 	<input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4, or <input type="checkbox"/> On long term oxygen therapy	Refer Respiratory Specialist for assessment and approval for Functional Class 1 & 2 with: <ul style="list-style-type: none"> • SpO₂ < 95%
	Chronic Obstructive Pulmonary Diseases (COPD)	<input type="checkbox"/> Grade B, and E or <input type="checkbox"/> On long term oxygen therapy	[Refer Lampiran 10]
	Bronchial Asthma	Severe asthma: <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> On long term oral corticosteroid therapy <input type="checkbox"/> On biologic and poorly control within 1 year 	Refer Specialist for assessment and approval for: <ul style="list-style-type: none"> • Uncontrolled Asthma with ACT <20; and • Any moderate to severe exacerbation (admission or multiple outpatient visit) within 6 months [Refer Lampiran 11]
	Obstructive Sleep Apnoea (OSA) Syndrome	<input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4, or <input type="checkbox"/> On CPAP / BIPAP	Refer Respiratory Specialist or ENT Specialist for assessment and approval for Functional Class 1 & 2
	Obesity Hypoventilation Syndrome		
Malignant Diseases (Kanser)	All Malignancies	<input type="checkbox"/> Eastern Cooperative Oncology Group (ECOG) Performance Status: > Grade 2 <input type="checkbox"/> CNS mets (brain and /or spinal cord) <input type="checkbox"/> On chemotherapy (regardless of cancer stage) <input type="checkbox"/> Early-stage cancer who is still ongoing curative treatment (neoadjuvant or adjuvant) <input type="checkbox"/> Completed curative treatment less than 6 months	Refer relevant Specialist for assessment and approval if: <ul style="list-style-type: none"> • On oral targeted therapy and endocrine therapy, and stable • Stage ≥ 3 completed treatments on remission after 6 months of completed treatment. [Refer Lampiran 12]

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
Gastrointestinal Tract	Liver Cirrhosis	<input type="checkbox"/> Child-Pugh Class B & C (Score 7 and above); or <input type="checkbox"/> Recent Haematemesis within 6 weeks.	Refer General Physician / General Surgeon / Gastroenterology for assessment and approval (if indicated) [Refer Lampiran 13]
	Peptic Ulcer	<input type="checkbox"/> Massive bleeding of peptic ulcer (Required blood transfusion) within 3 months.	Refer General Surgeon / Physician for assessment and approval for patient with risk factor: (e.g., concurrent NSAIDs / anti-coagulant)
Cardiovascular	Ischaemic Heart Diseases (IHD)	<input type="checkbox"/> Symptomatic Angina; or <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer Cardiologist for assessment and approval for cardiovascular event happened within 1 month prior with Functional Class 1 & 2
	Arrhythmia	<input type="checkbox"/> Symptomatic arrhythmia; and/or <input type="checkbox"/> Abnormal ECG findings; with <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	All arrhythmia cases other than specified in the criteria need to refer Physician / Cardiologist for assessment and approval
	Congestive Cardiac Failure (CCF)	<input type="checkbox"/> LVEF <35% (ECHO finding within the last 6 months)	
	Cardiomyopathy		
	Acyanotic Congenital Heart Diseases i.e. ASD, VSD, PDA	<input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer Physician / Cardiologist for assessment and approval for any new cases or patient who did not receive any treatment or review more than 1 year
	Cyanotic congenital heart diseases or Eisenmenger's disease	<input type="checkbox"/> Untreated illness; or <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer Physician / Cardiologist for assessment and approval for case that on treatment with Functional Class 1 & 2
	Valvular Heart Diseases	<input type="checkbox"/> Aortic Stenosis; or <input type="checkbox"/> Mitral Stenosis; with <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
	Pulmonary Hypertension	<input type="checkbox"/> Untreated illness <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer Physician / Cardiologist for assessment and approval for case that on treatment with Functional Class 1 & 2
	Systemic Hypertension	<input type="checkbox"/> Systolic BP \geq 160 mmHg / or <input type="checkbox"/> Diastolic BP \geq 100 mmHg despite optimum treatment with symptoms	[Refer Lampiran 14]
	Endocarditis	<input type="checkbox"/> On antibiotic treatment	Refer Physician / Cardiologist for assessment and approval
Surgical	Gallbladder stone	<input type="checkbox"/> Complicated gallstone disease (e.g., Recent history of cholangitis, empyema etc)	
	Hernia	<input type="checkbox"/> Irreducible hernia	
	Haemorrhoids	<input type="checkbox"/> Recurrent active bleeding haemorrhoids with recent admission (6 weeks) or <input type="checkbox"/> Untreated 3 rd & 4 th degree haemorrhoids	
	Abdominal Aortic Aneurysm (AAA)	All not fit	
	Intestinal obstruction		Refer General Surgeon for assessment and approval
	Anterior neck mass		Refer General Surgeon for assessment and approval
	Arterial or venous ulcer		Refer General Surgeon for assessment and approval

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
Neurological	<input type="checkbox"/> Severe motor, sensory motor, extra pyramidal and coordination disorders e.g. - CVA - Parkinson's diseases - Myelitis - Myopathies <input type="checkbox"/> Cerebellar degeneration	<input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Other than specified criteria, refer Functional Class Assessment, Timed Up & Go (TUG) Assessment, and 30-Second Chair Stand Assessment. [Refer Lampiran 2] If BH needed walking aid, select red box "Must be accompanied with companion".
	Epilepsy	<input type="checkbox"/> History of generalized / focal epileptic seizures; with <input type="checkbox"/> Loss of awareness within 1 year with or without medications	
Endocrine	Diabetes mellitus	<input type="checkbox"/> HbA1c > 10% within 3 months prior to medical check-up; or <input type="checkbox"/> Recent admission (within 6 month) due to diabetic related complication; or <input type="checkbox"/> Proliferative Diabetic Retinopathy with severe maculopathy <input type="checkbox"/> Major hypoglycaemia within the last 6 weeks	<input type="checkbox"/> Pass if HbA1c < 8.5% <input type="checkbox"/> If HbA1c: 8.5% - 10%, Refer Physician / Family Medicine Specialist / Endocrinologist for assessment and approval (If time to answer Hajj Offer Letter more than 3 months)
	Thyroid Disease	<input type="checkbox"/> Severe thyrotoxicosis / thyroid crisis within 6 months; or <input type="checkbox"/> Thyrotoxicosis with cardiac complication; or <input type="checkbox"/> Large goitre / goitre with compressive symptom or <input type="checkbox"/> Severe hypothyroidism within 6 months	

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
	Obesity	<input type="checkbox"/> Obesity class II and above (BMI \geq 32.5) with uncontrolled co-morbid	
Psychiatry	Neuro-cognitive Disorder (e.g.: Dementia)	<input type="checkbox"/> Moderate & Severe (Refer DSM 5 for diagnosis) or <input type="checkbox"/> ECAQ score: 0 – 4	<p>[Refer Lampiran 4]</p> <p>For ECAQ score: 5 – 7 Refer to Psychiatrist / Geriatric / Neuro-medical Physician for assessment and approval.</p> <p>(Refer for screening test MMSE / MoCA / FAST / GDS)</p> <p>Mild dementia cases can be approved after assessment by Specialist (Psychiatrist / Geriatric / Neuro-medical Physician), with condition:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Next-of-kin / companion must also pass the health assessment (Dhaif status) 2) Next-of-kin / companion must be: <ol style="list-style-type: none"> a. Same gender with BH b. Healthy and fit c. Age less than 60 years old d. Fully responsible for the daily affair of BH while still in the homeland

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
	Schizophrenia and other Psychotic Disorder	<input type="checkbox"/> Patient who refuses treatment or non-compliance to treatment	Approved by Psychiatrist / Family Medicine Specialist with condition: a) First episode was stable with treatment for 2 years prior medical check-up and BH not need companion. b) Recurrent episode where the last episode stable with treatment for 5 years prior medical check-up and BH not need companion
	Bipolar disorder / Unipolar depression		
Dermatology	Active erythroderma due to any cause (Severe atopic eczema, severe seborrheic dermatitis, severe psoriasis, Sezary syndrome etc)	<input type="checkbox"/> Not on treatment or <input type="checkbox"/> Disease not in remission and <input type="checkbox"/> Involving $\geq 90\%$ body surface area.	Refer dermatologist for assessment and approval
	Active connective tissue disease such as Systemic Lupus Erythematosus, dermatomyositis, vasculitis etc. (Requiring oral corticosteroids \pm other immuno immunosuppressants)	<input type="checkbox"/> Not on treatment or <input type="checkbox"/> Disease not in remission	Refer dermatologist for assessment and approval
	Active blistering diseases (pemphigus vulgaris, bullous pemphigoid etc)	<input type="checkbox"/> Not on treatment or <input type="checkbox"/> Disease still active despite treatment with corticosteroids \pm other immunosuppressants	Refer dermatologist for assessment and approval
	Severe skin or soft tissue infection	<input type="checkbox"/> Not on treatment	Refer dermatologist / physician for assessment and approval

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
	Severe adverse cutaneous drug reactions (Steven Johnson Syndrome, Toxic Epidermal Necrolysis, acute generalized exanthematous pustulosis etc)	<input type="checkbox"/> Requiring intensive skin treatment <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer dermatologist for assessment and approval
Musculo-Skeletal	Prolapsed Disc	<input type="checkbox"/> With neurological deficit; or <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4; or <input type="checkbox"/> Pain score >5 despite optimum medication <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	
	Cord Compression		
	Osteoarthritis		
	Diabetic Foot	<input type="checkbox"/> Wagner-Meggitt's Classification: Grade \geq 3 <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	[Refer Lampiran 15]
Rheumatology	Rheumatoid arthritis	<input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer to treating Rheumatologist or Family Medicine Specialist for assessment and approval: <input type="checkbox"/> Patient on immunosuppressant drugs
	SLE	<input type="checkbox"/> Active phase <input type="checkbox"/> On treatment > 10mg prednisolone daily <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	
Nephrology	Chronic Kidney Disease	<input type="checkbox"/> Stage 5 or <input type="checkbox"/> Stage 4 (eGFR < 20) with uncontrolled co-morbidities <input type="checkbox"/> On dialysis <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	[Refer Lampiran 16]

CATEGORY	HEALTH PROBLEM (DISORDERS)	FAILURE CRITERIA	NOTES
Haematological	Leukaemia, Lymphoma (except Chronic Myeloid Leukaemia)	<input type="checkbox"/> Active cases <input type="checkbox"/> Relapsed within 5 years <input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer to treating haematologist for assessment and approval if remission after 5 years
	Other haematological disorders	<input type="checkbox"/> Functional Class 3 & 4	Refer to treating haematologist for assessment and approval if BH on active treatment. Example: ITP, AIHA stable and on azathioprine and very low dose steroid. May allow if Hb level above 10 g/dL and platelet level above 100.
	Anaemia other than thalassemia cases	<input type="checkbox"/> Hb < 10 g/dL despite optimum treatment	
	Thalassemia	<input type="checkbox"/> Transfusion Dependent; or <input type="checkbox"/> Non-Transfusion Dependent Thalassemia (NTDT) with history of transfusion more than 3 times within past 1 year; or <input type="checkbox"/> Hb < 8 g/dL	
